

03 AUG 2000

PBTM-Prosper

PBTM BANTU BUKAN AHLI REBUT PELUANG PROSPER

KUALA LUMPUR, 3 Ogos (Bernama) -- Persatuan Bekas Tentera Malaysia (PBTM) akan membantu semua bekas tentera di negara ini, termasuk mereka yang bukan anggota persatuan, untuk merebut peluang skim Projek Usahawan Bumiputera Dalam Bidang Peruncitan (Prosper).

Presiden PBTM Datuk Muhammad Ghani berkata, semua bekas tentera yang berminat menyertai skim itu boleh menghubungi mana-mana pejabat cawangan persatuan bagi memudahkan urusan permohonan.

"Persatuan akan turut memberi didikan dan bimbingan kepada mereka yang berminat kerana kita tidak mahu melihat bekas tentera yang menceburi bidang peruncitan ini mengalami kegagalan," katanya kepada Bernama ketika dihubungi di sini hari ini.

Muhammad, yang menyambut baik pengumuman kerajaan mengenai skim Prosper itu, berkata didikan dan bimbingan itu akan diberikan oleh Dewan Perniagaan Bekas Tentera Malaysia, yang juga diketuai oleh beliau.

Skim Prosper bertujuan meningkatkan penyertaan Bumiputera dalam sektor perniagaan runcit dan pesara tentera adalah salah satu kumpulan sasaran yang dikenalpasti untuk menyertainya.

Prosper mengintegrasikan dan menyelaraskan pelbagai aspek perniagaan dengan matlamat untuk memudahkan penglibatan Bumiputera dalam perniagaan runcit dalam aspek kemudahan premis, modal dan pinjaman, peluang perniagaan, perakaunan dan pengurusan tunai, peserta yang layak, latihan dan koordinasi terhadap skim.

Muhammad berkata, keputusan kerajaan menjadikan pesara tentera sebagai salah satu kumpulan sasaran adalah tepat kerana ia akan menjanjikan masa depan yang lebih baik kepada mereka selepas berkhidmat untuk negara.

"Ini petanda baik, kita ucapkan terima kasih kepada sikap ambil berat kerajaan terhadap bekas tentera kerana sebahagian daripada mereka terpaksa hidup susah dan tidak selesa selain merasa tersisih daripada masyarakat," katanya.

Muhammad berkata, kajian persatuan mendapati antara 20 hingga 30 peratus daripada 350,000 bekas tentera menghadapi kesukaran hidup dan memerlukan bantuan dan kira-kira 50 peratus daripada mereka tidak mempunyai pekerjaan yang tetap.

Bagaimanapun kira-kira 30 peratus daripada bekas tentera, terutamanya bekas pegawai tinggi, hidup dalam keadaan selesa, katanya.

PBTM kini mempunyai kira-kira 200,000 anggota.

Biro Pembangunan Ekonomi Pergerakan Pemuda Umno ketika menyambut baik skim Prosper berkata pelancaran skim itu membuktikan bahawa Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sangat mengambil berat nasib usahawan dan peruncit bumiputera di peringkat rendah dan akar umbi.

Pengerusinya Wan Khairil Anuar berkata skim itu bersesuaian dengan konsep pengagihan ekonomi secara menyeluruh melalui kaedah dan konsep Islam iaitu pihak yang mampu membantu membesarkan yang kecil atau kurang mampu.

Biro itu, katanya, sedang berusaha membina rangkaian dan rantaian di kalangan usahawan bumiputera di peringkat akar umbi dengan meletakkan satu sistem infrastruktur perhubungan dan maklumat bagi mendapat maklum balas.

"Saya mengambil kesempatan ini menyeru semua bahagian untuk bekerjasama mengisi dan menghantar kepada sekretariat Biro secepat mungkin untuk sama-sama menyahut seruan Perdana Menteri," katanya.

-- BERNAMA

AFY AFY MAI